

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

27. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengawal trafik di kawasan Persiaran Gurney apabila projek Gurney Wharf disiapkan?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Antara perancangan Kerajaan Negeri untuk mengawal trafik di kawasan Persiaran Gurney apabila projek Gurney Wharf selesai adalah dengan mengenakan syarat kepada pemaju seperti berikut:

- (i) Mensyaratkan sekurang-kurangnya 600 buah petak letak kereta dan 600 buah petak letak motosikal serta 120 buah petak basikal akan disediakan di sepanjang Lebuhraya Berkembar Persiaran Gurney;
- (ii) Membina tiga (3) jejantas pejalan kaki dan basikal disediakan merentangi lebuhraya yang dibina secara berkembar dengan Persiaran Gurney;
- (iii) Menyediakan laluan basikal dan pejalan kaki disediakan di persisiran pantai di Persiaran Gurney;
- (iv) Memasang kamera *closed-circuit television* (CCTV) pada selangan 500 meter sepanjang jalan-jalan yang dibina serta

di kawasan persilangan bertingkat untuk pemantaun lalulintas dan kesesakan.

Selain itu, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membina *Penang Island Link 1* (PIL 1) yang akan menyambungkan Persiaran Gurney melalui Paya Terubong dan Bayan Baru ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berhampiran Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Selain itu, Lebuhraya Berkembar Persiaran Gurney akan dibina untuk menyambungkan jalan pesisiran pantai utara dan PIL 1 ke "*By-Pass*" Persiaran Gurney – Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu untuk penyuraian lalulintas yang berkesan.